



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

FAKULTI PERAKAUNAN

BULETIN FPN



fa

Pendekatan pelajar dalam penilaian sendiri dan rakan sebaya

Akma Hidayu Abdul Wahid dan Rafizan Abdul Razak

Konsep penilaian sendiri dan rakan sebaya adalah satu pendekatan ke arah meningkatkan kualiti dan membangunkan profesionalisme diri. Ia menghasilkan sesuatu refleksi ke atas diri seseorang. Terdapat dua kategori pendekatan penilaian sendiri iaitu amalan refleksi dan peraturan sendiri (Azwan Masuwai et al.,2021).

Amalan refleksi adalah berkaitan refleksi tingkah laku, afektif, metakognitif, afektif dan kritikal manakala pula penilaian peraturan sendiri berkaitan penentuan matlamat, keinginan intrinsik, pencapaian matlamat, orientasi matlamat, aturan sendiri, kawalan emosi, reaksi sendiri serta pencarian bantuan.

Terdapat hubung kait antara dua kategori ini di mana amalan refleksi mempengaruhi peraturan sendiri. Secara khususnya. proses refleksi pada perkara seperti tingkah laku, pemikiran dan perasaan menjurus kepada pembentukan peraturan sendiri seperti penentuan matlamat dan keinginan intrinsik (Azwan Masuwai et al.,2022).



Satu tinjauan ke atas pelajar semester pertama yang menuntut di UiTM CNS Kampus Rembau telah dijalankan berkaitan pelaksanaan tugas dan penilaian sendiri dan rakan sebaya. Kesemua pelajar ini perlu membuat penilaian sendiri dan rakan sebaya bagi kod kursus pengenalan subjek perakaunan. Tinjauan ini bertujuan untuk

memahami proses pendekatan atau tindak tanduk pelajar dalam proses penilaian sendiri dan rakan sebaya, seterusnya kekuatan dan kelemahan pelaksanaan penilaian sendiri dapat ditambahbaik.

Penilaian sendiri yang berkesan dapat menghasilkan satu keputusan ke atas pencapaian diri mereka. Sekiranya pelajar menjalani proses penilaian sendiri yang baik, pelajar akan dapat menilai perkara-perkara yang harus dilakukan dan dilaksanakan bagi mencapai matlamat semasa yang ingin dicapai dan juga masa hadapan.



Hasil tinjauan ke atas 102 pelajar ini menunjukkan kesemua pelajar membuat konsultasi bersama pensyarah selain daripada waktu kuliah sekurang-kurangnya sekali, 8% sebanyak dua kali, 21.6% sebanyak tiga kali, 6.8% telah membuat konsultasi sebanyak atau lebih lima kali. Konsultasi bersama pensyarah adalah amat penting dan pensyarah dapat menilai kemajuan tugas serta penilaian dan memberi pandangan bagi penambahbaikan berkaitan tugas. Pensyarah juga dapat memantau tugas. Ini secara tidak langsung dapat memperingatkan pelajar berkaitan tugas yang perlu disiapkan.

Selain dari konsultasi bersama pensyarah di luar waktu kuliah, pelajar juga perlu membuat perbincangan di luar waktu kuliah demi menyiapkan tugas yang diberi di dalam tempoh yang telah ditetapkan. 67.1% pelajar telah membuat inisiatif mengadakan perbincangan bersemuka bersama ahli kumpulan tanpa pemantauan terus daripada pensyarah sebanyak lima kali dan lebih. 17.5% mengadakan sebanyak empat kali. Secara purata, 41.4% pelajar mengadakan perbincangan bersemuka bersama ahli kumpulan di luar jadual waktu kuliah

sebanyak tiga kali. Namun begitu, 20% pelajar mengadakan perbincangan hanya sekali. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa lebih banyak masa digunakan untuk perbincangan bersama pensyarah berbanding perbincangan bersama ahli kumpulan pelajar di luar waktu kuliah.

Terdapat banyak aspek penilaian sendiri dan rakan sebaya yang perlu dibuat dan dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan, rakan sebaya dapat menjadi sumber pembelajaran yang mempengaruhi tingkah laku pelajar yang lain dalam proses pembelajaran (Zakaria Stapa et al. 2012). Erti kata lain, pengaruh dan pengalaman yang diperolehi boleh menentukan tindak tanduk seseorang. Oleh yang sedemikian, amat penting untuk seorang tenaga pengajar memastikan proses penilaian mampu menjadikan pelajar mempunyai kesediaan menilai kemampuan sendiri dan rakan sebaya.



Secara ringkasnya, penilaian sendiri dan rakan sebaya perlu diberi perhatian secara lebih holistik bagi kesesuaian objektif kursus ini dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja mementingkan pengetahuan yang baik, bahkan juga berketerampilan, memiliki peribadi dan akhlak yang tinggi, berfikiran kemanfaatan sejagat, kritis, inovatif, komunikatif, kolaboratif dan kompetitif.

Rujukan

- Azwani Masuwai, Hafizhah Zulkifli, & Ab. Halim Tamuri. (2021). Systematic Literature Review on Self-Assessment Inventory for Quality Teaching among Islamic Education Teachers. *Sustainability*, 14(1), 203.
- Azwani Masuwai, Hafizhah Zulkifli, & Ab. Halim Tamuri. (2022). Penilaian Kendiri sebagai Aspek Peningkatan Kualiti Guru Pendidikan Islam. *eProsiding Wacan Pendidikan Islam*, 12, 275-284.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 155-172.

